



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 3/2019

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KURIER DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkenaan penambahbaikan Pengurusan Kurier di UniSZA.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Buat masa ini, perkhidmatan kurier UniSZA diuruskan oleh Seksyen Pentadbiran Am, Pejabat Pendaftar (Berpusat) dengan menggunakan khidmat Nationwide Express Courier Sdn. Bhd. (Nationwide) kerana menawarkan harga yang berpatutan.
- 2.2 Walau bagaimanapun, mutakhir ini, pihak Pejabat Pendaftar menerima aduan berhubung ketidakcekapan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pembekal.



- 2.3 Sehubungan dengan itu disyorkan penambahbaikan pengurusan kurier iaitu secara tidak berpusat untuk mengurangkan masalah ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Jenis-jenis perkhidmatan pos yang disediakan dan diuruskan oleh Seksyen Pentadbiran Am, Pejabat Pendaftar ialah:

3.1.1 Pos Biasa (setem franking/setem) dan Pos Berdaftar

- Diuruskan dan direkodkan oleh Seksyen Pentadbiran Am, Pejabat Pendaftar.

3.1.2 Nationwide (Berpusat - sedia ada)

- Pembantu Operasi setiap PTj perlu mengisi borang Nationwide dan borang akuan penghantaran dokumen rasmi sebelum menyerahkan dokumen beserta dua borang tersebut kepada Seksyen Pentadbiran Am untuk diuruskan proses penghantaran. Setiap PTj perlu menyimpan satu salinan slip penghantaran dan borang tersebut untuk direkodkan bagi tujuan pemantauan di PTj masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab Pembantu Operasi di setiap PTj untuk menguruskan sendiri dengan pihak kurier berkenaan sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan dokumen yang dihantar. Sekiranya ada sebarang aduan, boleh kemukakan secara bertulis kepada Seksyen Pentadbiran Am, Pejabat Pendaftar supaya aduan tersebut boleh disalurkan kepada pihak kurier yang berkenaan.

- 3.2 Sekiranya Pusat Tanggungjawab (PTj) ingin menggunakan perkhidmatan selain daripada yang dinyatakan di atas (tidak berpusat – baharu), PTj berkenaan dikehendaki menguruskan sendiri dengan menggunakan bajet mengurus masing-masing atas justifikasi berikut:



- 3.2.1 PTj diberikan kebebasan untuk memilih syarikat kurier yang difikirkan bersesuaian dengan keperluan PTj;
- 3.2.2 PTj lebih mengetahui dan memahami nilai dokumen/parcel yang dipos;
- 3.2.3 Memudahkan semakan PTj tanpa perlu melalui beberapa lapisan birokrasi;
- 3.2.4 Kawalan bajet PTj lebih mudah dilakukan oleh KPTj; dan
- 3.2.5 PTj lebih rasa kebertanggungjawaban dalam memastikan dokumen/parcel selamat sampai kepada penerima.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Mei 2019**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Ilmu dan Akhlak”

Saya yang menjalankan amanah,

ISMAIL BIN AHMAD

Pendaftar

Bertarikh: 28/5/2019



s.k:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Penasihat Undang-Undang

Ketua Pustakawan

Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Pengarah Kampus Besut



SENARAI EDARAN

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Pendaftar Pejabat Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-Undang UniSZA
- Ketua Pustakawan
- Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda
- Ketua Unit Audit Dalam UniSZA
- Pengarah Pusat Komunikasi Korporat & Pengurusan Perhubungan
- Pengarah Pusat Perancangan Strategik, dan Pengurusan Sistem Kualiti & Risiko
- Pengarah Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan & Jaringan Industri
- Pengarah Pejabat Wakaf & Endowmen
- Pengarah Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA
- Dekan Fakulti Perubatan
- Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan
- Dekan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
- Dekan Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi
- Dekan Fakulti Farmasi
- Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran
- Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Dekan Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
- Dekan Fakulti Bahasa & Komunikasi
- Pejabat Pengarah Kampus Besut
- Pengarah Pusat Pengajian Teras
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik & Pengantarabangsaan
- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
- Pengarah Pusat Asasi Sains & Perubatan UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
- Pengarah Penerbit UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
- Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
- Pengarah Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam
- Pengarah Kolej Kediaman & Kesihatan Pelajar
- Pengarah Pusat Islam UniSZA
- Pengarah Pusat Alumni, Keusahawanan & Jaringan Masyarakat
- Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
- Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi
- Pengarah Pusat Kesenian & Warisan